

20 APR 1998

Cheney-Petronas

BEKAS S/USAHA PERTAHANAN AS KATA AKTA SEKATAN IRAN-LIBYA "SALAH"

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Bekas Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat Dick Cheney hari ini mengecam kerajaan negaranya kerana melaksanakan sekatan ekonomi bersendirian seperti Akta Sekatan Iran-Libya, dan berkata ia adalah "tidak efektif, tidak menyediakan hasil yang diinginkan dan dasar yang teruk".

"Saya telah menjelaskan bahawa dasar sekatan (bersendirian AS) kami adalah salah," katanya apabila diminta mengulas mengenai Akta Iran-Libya yang mengandungi peruntukan sekatan untuk dilaksanakan oleh AS terhadap syarikat-syarikat asing yang membuat pelaburan melebihi AS\$20 juta setahun di negara-negara minyak dan gas berkenaan.

Malaysia, yang membantah undang-undang luar wilayah AS itu, telah berkata bahawa Petronas dan syarikat-syarikat lain Malaysia akan terus melabur di luar negara walaupun adanya ancaman sekatan AS mengikut akta itu.

Petronas kini terlibat dengan projek gas bernilai AS\$2 bilion di Iran yang dijalankan bersama dengan SA Total dari Perancis dan Gazprom dari Russia.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini, Cheney, yang kini pengerusi dan ketua eksekutif Halliburton, berkata: "AS perlu lebih mengawal diri berbanding sebelum ini dari segi melaksanakan sekatan ekonomi bersendirian".

Cheney, yang berkhidmat semasa pentadbiran George Bush antara 1989 dan 1993, bagaimanapun berkata sekatan ekonomi pelbagai pihak yang dilaksanakan oleh masyarakat antarabangsa ke atas Iraq adalah "wajar".

"Saya tidak bersetuju dengan undang-undang kini (Akta Sekatan Iran-Libya) tetapi syarikat saya akan mematuhi peraturan (Akta) itu," katanya.

Beliau juga tidak bersetuju dengan sekatan ekonomi bersendirian AS ke atas Myanmar dan Arzerbaijan.

Cheney berkata syarikatnya yang terlibat dalam bidang tenaga, kejuruteraan dan pembinaan bersedia melakukan "kerja" untuk Petronas dan akan membincangkan perkara itu dengan para pegawai syarikat minyak Malaysia itu esok.

Menurutnya syarikatnya sedang berusaha mendapatkan projek gas dalam Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA) dan turut berminat memberi perkhidmatan kepada jet-jet pejuang Hawk buatan Britain milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menerusi usahasama dengan syarikat-syarikat tempatan.

Mengenai ekonomi Malaysia, Cheney, 57, yang juga naib pengerusi Dewan Perdagangan Koridor Baltimore/Washington, berkata beliau optimistik dengan masa depan negara ini.

"Walaupun menghadapi masalah, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan berterusan dan kita mahu menjadi sebahagian daripadanya," katanya dan menambah syarikatnya berminat mengadakan usahasama jangka panjang di Malaysia.

Ketika ditanya sama ada syarikat Amerika masih lagi berminat melabur di Malaysia walaupun menghadapi masalah kewangan dan ekonomi, Cheney berkata: "Kebanyakan syarikat AS optimistik mengenai bahagian dunia ini.

"Ini adalah tempat yang kita mahu," katanya.

BERNAMA

ES NAK